

LAPORAN SESI PERJUMPAAN KHAS DI ANTARA TYT OSAMA AL-SAYYID AL-AZHARI, MENTERI WAKAF REPUBLIK ARAB MESIR BERSAMA PELAJAR NEGARA BRUNEI DARUSSALAM YANG MENUNTUT DI REPUBLIK ARAB MESIR



1. Pada **26 November 2024**, pejabat Kedutaan Besar NBD di Kaherah telah mengungkayahkan sesi perjumpaan khas di antara TYT Osama Al-Sayyid Al-Azhari, Menteri Wakaf Republik Arab Mesir bersama penuntut NBD yang menuntut di Republik Arab Mesir. Seramai 172 pelajar NBD menyertai sesi perjumpaan khas berkenaan.
2. Sesi perjumpaan khas tersebut telah diadakan di *Islamic Cultural Center*, Masjid Mesir¹ di *New Adminstrative Capital* (NAC).

Sesi Penyampaian Taklimat



¹ Masjid Mesir merupakan masjid yang terbesar di Mesir dan ketiga terbesar di dunia. Masjid ini dibina di dataran tinggi, meliputi kawasan seluas 476-ribu meter persegi. Masjid tersebut boleh memuatkan sehingga 137 ribu jemaah dan mempunyai koridor utama di kawasan seluas 2050 meter persegi.

3. Pada perjumpaan tersebut, TYT Menteri Wakaf berkesempatan untuk beramah mesra dengan para pelajar dan seterusnya memberikan satu sesi taklimat yang mana antaralain:

- Menekankan keperihatinan Mesir terhadap kebajikan pelajar-pelajar asing termasuk pelajar dari NBD;
- Menasihatkan pelajar untuk menguasai penggunaan Bahasa Arab yang merupakan kunci utama kepada pengajian-pengajian ugama;
- Menasihatkan pelajar seterusnya untuk mengembangkan ilmu pengetahuan yang merangkumi isu-isu dan cabaran-cabaran semasa;
- Meminta pelajar untuk memperlengkapkan diri sebelum kembali ke tanah air dan berkhidmat kepada masyarakat sebagai utusan Azhar yang membawa mesej kebaikan dan kesejahteraan; dan
- Lima perkara utama sebagai ingatan; (i) menghormati semua makhluk (ii) memuliakan setiap insan (iii) menjaga negara (iv) membina kemajuan (v) meningkatkan keimanan.




4. Sementara, **TYT Pg Md Salimin Pg Md Daud, Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Republik Arab Mesir** dalam ucapan beliau antaralainnya menyatakan bahawa perjumpaan khas tersebut memberikan makna yang besar kepada penuntut NBD dan mencerminkan keperihatinan kerajaan Mesir, Al-Azhar serta keperihatinan khas daripada TYT Menteri di atas pendidikan serta kemaslahatan para pelajar. YM TYT Duta Besar juga menyatakan bahawa perjumpaan khas ini berkebetulan dengan 40 tahun penjalinan hubungan diplomatik antara Mesir dan Brunei Darussalam.

5. Pada akhir taklimat tersebut, TYT Duta Besar telah memberikan cenderahati kenang-kenangan kepada TYT Menteri Wakaf.



6. Sementara itu, Presiden Badan Kebajikan Penuntut Brunei di Republik Arab Mesir turut sama memberikan cenderahati mushaf NBD kepada TYT Menteri Waqaf.

Lawatan Masjid Mesir



7. Pada sesi perjumpaan khas itu, pegawai-pegawai Kedutaan serta para pelajar NBD telah di berikan kesempatan untuk melawat sekeliling Masjid Mesir, termasuk Dar Al-Quran (yang menempatkan pahatan setiap muka surat di dalam Al-Quran di setiap dinding dalam bangunan tersebut)
8. Selain diberikan peluang untuk melihat dan diberikan penerangan mengenai pembangunan di *New Administrative Capital*.
